

Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

Penglibatan Ahli Keluarga Dalam Membuat Keputusan untuk Bercuti

Nyi Imas Binti Muhamad Chong¹ Nur Izzah Syazwani Binti Abdul Manaf²
Ismail Bin Mohamad³

Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti Politeknik Ibrahim Sultan, Johor, Malaysia¹²
Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti Politeknik Merlimau, Melaka, Malaysia³

Abstract:

Membuat keputusan untuk percutian keluarga (Family Vacation Decision Making) melibatkan dua perkara penting iaitu lima peringkat membuat keputusan dan pemilihan jenis-jenis item percutian keluarga. Membuat keputusan untuk melakukan percutian juga mengambilkira faktor demografi sesebuah keluarga seperti jenis kediaman, saiz keluarga, tahap pendapatan dan taraf pendidikan di mana faktor-faktor demografi ini akan membezakan cara atau gaya percutian sesebuah keluarga. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh ahli keluarga yang paling dominan dalam lima peringkat membuat keputusan untuk bercuti dan juga pemilihan jenis-jenis item percutian keluarga bagi tiga kelompok keluarga yang mendiami tiga jenis rumah yang berbeza iaitu rumah kos tinggi, kos sederhana dan kos rendah. Kajian ini memfokuskan kepada keluarga dari tiga jenis kediaman yang berbeza kerana jenis kediaman merupakan salah satu faktor demografi yang dapat membezakan cara atau gaya percutian sesebuah keluarga. Manakala kawasan kajian yang dipilih adalah Pasir Gudang yang merupakan bandar perindustrian yang rata-rata penduduknya adalah terdiri daripada mereka yang telah berkeluarga. Hasil kajian menunjukkan terdapatnya persamaan dan perbezaan dari segi ciri-ciri percutian keluarga, lima peringkat membuat keputusan dan pemilihan jenis-jenis item percutian keluarga bagi tiga kelompok keluarga. Hasil kajian juga membolehkan cadangan dibentuk bagi tujuan memberi informasi yang berguna dalam memahami senario sebenar percutian keluarga di Malaysia. Selain daripada itu cadangan juga dibentuk bagi “membuka pandangan” pihak-pihak yang berkepentingan dalam industri pelancongan Malaysia akan potensi pelancongan keluarga kepada perkembangan pelancongan domestik.

© 2020 Published by JOJAPS Limited.

Key-word: Membuat keputusan untuk percutian keluarga

1. PENGENALAN

Salah satu strategi yang boleh menyumbang ke arah memantapkan lagi segmen pelancongan keluarga di Malaysia adalah melalui kajian terhadap bagaimana sesebuah keluarga mengambil keputusan untuk bercuti (*the process that influence the Family Vacation Decision Making*). Keperluan untuk memahami bagaimana seseorang pelancong (yang dianggap sebagai pelanggan oleh pemasar dalam industri pelancongan) membuat keputusan untuk membeli produk atau perkhidmatan adalah penting dalam memenuhi keperluan dan keutamaan mereka (Laws, 1992). Memahami bagaimana proses membuat keputusan oleh seseorang pelancong juga membolehkan pemasar dalam industri pelancongan mengklasifikasikan pelancong kepada beberapa kumpulan atau segmen yang berlainan. Melalui segmentasi pelanggan, penyampaian maklumat bagi sesuatu produk dapat disampaikan dengan tepat. Kesensitifan, motivasi, jangkaan dan sikap pelanggan dapat dipertingkatkan sekiranya keperluan dan keutamaan mereka dapat difahami. Swarbrooke *et al* (2004) berpendapat pemasar dapat mengetahui kesensitifan, motivasi, jangkaan dan sikap pelanggan terhadap sesuatu produk melalui proses membuat keputusan yang dilakukan oleh mereka (pelanggan sasaran). Salah satu cara bagi mengurangkan risiko membuat keputusan yang salah dalam sebarang pembelian produk pelancongan adalah melalui pencarian maklumat yang merupakan salah satu peringkat dalam membuat keputusan (Laws, 1992).

Kajian ini juga bertujuan untuk memahami cara (modes) yang digunakan oleh sesebuah keluarga dalam membuat keputusan untuk bercuti. Disamping itu, kajian juga akan ditumpukan kepada pengaruh suami, isteri dan anak-anak dalam dua perkara yang menjadi keutamaan dalam membuat keputusan iaitu yang pertama adalah lima peringkat dalam membuat keputusan dan kedua pemilihan jenis-jenis item dalam percutian mereka.

2. PERNYATAAN MASALAH

Persoalan disini adalah “Apakah faktor demografi mempengaruhi penglibatan setiap ahli keluarga dalam lima peringkat membuat keputusan untuk bercuti dan pemilihan item-item percutian keluarga?” Dalam pernyataan masalah diatas penulis akan mengkaji perkaitan diantara faktor demografi dengan cara sesebuah keluarga membuat keputusan untuk bercuti. Penglibatan setiap ahli keluarga dalam membuat keputusan untuk bercuti adalah diukur dari dua sudut iaitu penyertaan mereka dalam lima peringkat membuat keputusan untuk bercuti dan pemilihan jenis-jenis item percutian. Faktor demografi juga akan diambil kira untuk melihat sama ada terdapat perbezaan atau persamaan dalam gaya percutian diantara sesebuah keluarga dengan keluarga yang lain.


3. OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengkaji tahap penglibatan ahli keluarga dalam lima peringkat membuat keputusan.
- ii. Mengkaji tahap penglibatan ahli keluarga dalam pemilihan jenis-jenis item percutian keluarga.

4. KAJIAN LITERATUR

Lima peringkat yang harus dilalui dalam membuat keputusan bagi percutian keluarga adalah peringkat pengenalpastian keperluan atau masalah, pencarian maklumat, keputusan akhir, pembelian produk atau perkhidmatan dan maklumbalas atau perasaan selepas pembelian. Kelima-lima peringkat ini mempunyai kaitan dengan cara (modes) sesebuah keluarga membuat keputusan untuk bercuti. Mayo (1981) juga telah mengenal pasti terdapatnya dominasi (pengaruh) suami atau isteri dalam setiap peringkat dalam proses membuat keputusan ini.

Jadual 1: Lima Peringkat Proses Membuat Keputusan, Mayo (1981)



Walaupun terdapat lima peringkat dalam proses membuat keputusan, ada pengkaji barat yang hanya memfokuskan kepada tiga peringkat dalam proses membuat keputusan bagi percutian keluarga. Kajian terawal bagi mengenalpasti cara (modes) sesebuah keluarga membuat keputusan untuk bercuti adalah dipelopori oleh Davis dan Rigaux (1974 dalam Kuo *et al*, 2004). Daripada kajian yang dilakukan oleh Davis dan Rigaux (1974 dalam Kuo *et al*, 2004), mereka mendapati terdapat pengaruh yang seimbang diantara suami dan isteri dalam tiga peringkat proses membuat keputusan untuk percutian keluarga iaitu pada peringkat mengenalpasti keperluan bercuti, pencarian maklumat dan membuat keputusan akhir.

Majoriti daripada kajian yang telah dilakukan dalam mengenal pasti cara (modes) sesebuah keluarga untuk bercuti adalah lebih mengfokuskan kepada salah satu daripada tiga kategori berikut iaitu dominasi suami, dominasi isteri atau keputusan bersama yang dicapai dalam proses membuat keputusan untuk percutian keluarga (Nichols dan Snepenger, 1988 dalam Hsu *et al*, 2004). Fodness (1992 dalam Hsu *et al*, 2004) berpendapat cara (modes) yang sering digunakan dalam proses membuat keputusan untuk percutian keluarga adalah melalui kaedah keputusan yang dibuat secara bersama oleh suami dan isteri. Manakala Myers dan Moncrief (1978 dalam Hsu *et al*, 2004) pula hanya mengfokuskan kepada elemen-elemen seperti destinasi, perjalanan dan penginapan dalam proses membuat keputusan untuk percutian keluarga.

Jenkins dalam jurnalnya yang bertajuk “*Family Vacation Decision Making*” (1978 dalam Mayo, 1980) merupakan contoh terbaik dalam membincangkan pengaruh suami dan isteri bagi pemilihan jenis-jenis item bagi percutian keluarga. Jenkins (1978 dalam Mayo, 1981) telah mengenalpasti tiga cara (modes) bagaimana sesebuah keluarga memilih item-item percutian. Tiga cara yang dikenalpasti adalah melalui dominasi suami, dominasi isteri dan keputusan bersama. Ia dapat ditunjukkan dalam Jadual dibawah.

Jadual 2: Jenkins (1978 dalam Mayo,1981)

Gaya Membuat Keputusan Bagi Percutian Keluarga (Family Decision Making Styles)	
Jenis-Jenis Item Percutian	Gaya Sesebuah Keluarga Membuat Keputusan
Penginapan	Dominasi suami
Destinasi percutian	Dominasi isteri
Sama ada membawa anak atau tidak	Keputusan bersama
Jangka masa percutian	Dominasi suami
Tarikh percutian	Keputusan bersama
Pengangkutan	Keputusan bersama
Aktiviti	Keputusan bersama
Peruntukan kewangan untuk bercuti	Dominasi suami

Tidak dinafikan terdapatnya pengaruh anak-anak dalam proses membuat keputusan untuk percutian keluarga. Sesetengah pengkaji menganggap anak-anak hanya mempengaruhi secara tidak langsung dalam proses membuat keputusan untuk percutian keluarga (Filiatrault dan Ritchie, 1980 dalam Decrop, 2006). Kajian yang dilakukan oleh Assael (1995 dalam Hsu *et al*, 2004) mendapati anak-anak memainkan peranan yang penting dalam pemilihan produk dan perkhidmatan, anak-anak juga terlibat dalam pelbagai peringkat dalam proses membuat keputusan.

Kajian Howard dan Madrigal (1990 dalam Kuo *et al*, 2004) mendapati adanya pengaruh anak-anak pada peringkat pembelian produk dan perkhidmatan dalam proses membuat keputusan untuk percutian keluarga. Kajian lain yang menyokong adanya pengaruh anak-anak dalam proses membuat keputusan untuk percutian keluarga adalah Jenkins (1979 dalam Kuo *et al*, 2004). Dari segi pemilihan jenis-jenis item untuk percutian keluarga, Jenkins (1979 dalam Kuo *et al*, 2004) melaporkan 20 hingga 35 peratus ibu bapa sependapat mengatakan anak-anak mempunyai pengaruh yang kuat dalam pemilihan masa untuk bercuti, destinasi percutian, jenis penginapan dan aktiviti semasa bercuti.

5. KAEDAH DAN INSTRUMEN PENYELIDIKAN

5.1 Kaedah Kajian

Dalam mengukur bagaimana sesebuah keluarga membuat keputusan untuk bercuti, kaedah kajian yang sesuai digunakan dalam kajian ini adalah kuantitatif. 'Pendedahan kuantitatif dapat memberi faedah kepada kajian di mana ia dapat menghasilkan satu penemuan yang 'valid' dan 'reliable' (Ryan, 1951). Pendekatan ini dapat membuktikan kesahihan yang kukuh dengan menggunakan angka hasil daripada analisis. Selain daripada itu, kaedah ini dapat mengurangkan masa dan kos kajian. Dalam kajian ini, penulis menggunakan pendekatan kajian secara kuantitatif berdasarkan keperluan kajian ini.

Penyelidikan secara kuantitatif ini merupakan salah satu alat yang digunakan untuk penyelesaian permasalahan sosial manusia secara lebih realistik dan jelas menggunakan kaedah terukur yang dapat dibuktikan secara saintifik. Penyelidikan ini merujuk kepada satu bentuk penyelidikan yang tradisi, positivist, eksperimental dan berbentuk empirikal. Ini menunjukkan penyelidikan ini menekankan aspek objektif, realistik dan logik.

5.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang akan digunakan adalah dengan bersemuka dengan individu-individu yang telah berkeluarga dan menemubual di kawasan kajian dengan menggunakan borang soal selidik. Di sini, responden akan menjawab segala persoalan dan mengingat kembali proses membuat keputusan bagi percutian keluarga yang pernah dilalui. Kaedah pertemuan bersemuka (*interview*) melalui borang soalselidik adalah merupakan teknik yang sesuai dan tepat dalam mengenalpasti bagaimana sesebuah keluarga membuat keputusan untuk bercuti.

5.3 Pembentukan Borang Soalselidik

Dari segi pembentukan borang soalselidik, akan dirangka berdasarkan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan seperti ciri-ciri demografi keluarga, ciri-ciri percutian keluarga, lima peringkat membuat keputusan, pemilihan jenis-jenis item percutian dan siapa yang mendominasi setiap keputusan yang diambil iaitu sama ada suami, isteri atau anak-anak. Bentuk soalan di dalam borang soalselidik pula menggunakan teknik 'Close-Ended'. Bentuk soalan 'Close-Ended' disediakan bagi memudahkan responden membuat pilihan jawapan yang tepat.

5.4 Pemilihan Sampel

Menerusi kajian ini, sampel yang akan digunakan untuk mengkaji bagaimana sesebuah keluarga membuat keputusan untuk bercuti adalah berdasarkan kepada jenis kediaman yang didiami oleh sesebuah keluarga. Ini bersesuaian dengan pendapat Decrop (2006) yang menyatakan “faktor personal yang melibatkan unsur-unsur demografi seperti umur, jantina, status perkahwinan, tahap pendidikan, jenis tempat tinggal, masa, budget dan lain-lain perlu diambilkira dalam membuat keputusan untuk percutian keluarga”.

Selain daripada itu, jenis rumah yang didiami dapat memberi gambaran tentang sosio ekonomi sesebuah keluarga. Oleh yang demikian, maka ada relevannya sekiranya jenis kediaman sesebuah keluarga dipilih sebagai sampel dalam kajian yang bakal dijalankan. Jenis-jenis dan kategori rumah yang akan dijadikan sampel adalah:

- i. Jenis Rumah: Rumah Kos Tinggi
Kategori Rumah: Banglow / Rumah Berbandung
- ii. Jenis Rumah: Rumah Kos Sederhana
Kategori Rumah: Teres 1Tingkat / Teres 1½ Tingkat / Teres 2 Tingkat
- iii. Jenis Rumah: Rumah Kos Rendah
Kategori Rumah: Teres 1 & 2 Tingkat / Flat

Walaupun terdapat sebanyak 21 buah taman perumahan di sekitar Pasir Gudang, disebabkan limitasi masa kajian, penulis hanya memilih 9 buah taman perumahan yang mempunyai lebih daripada seribu buah unit rumah. Daripada kajian yang dilakukan terdapat 630 buah unit rumah kos tinggi, 15,828 buah unit kos sederhana dan 12,962 buah unit rumah kos rendah, manakala jumlah keseluruhan unit rumah yang terdapat di 9 buah taman perumahan yang terpilih adalah sebanyak 29,420 buah rumah. Sampel yang dicadangkan adalah sebanyak 1% bagi setiap jenis rumah.

Cara pengiraan sampel :

- i. Jenis Rumah: Rumah Kos Tinggi
$$\frac{1}{100} \times 630 = \mathbf{6 \text{ sampel}}$$
- ii. Jenis Rumah: Rumah Kos Sederhana
$$\frac{1}{100} \times 15,828 = \mathbf{158 \text{ sampel}}$$
- iii. Jenis Rumah: Rumah Kos Rendah
$$\frac{1}{100} \times 12,962 = \mathbf{130 \text{ sampel}}$$

Jumlah keseluruhan sampel bagi kajian yang akan dijalankan adalah sebanyak 294 unit rumah yang mewakili jenis rumah kos tinggi, kos sederhana dan kos rendah. Namun disebabkan oleh limitasi masa dan kos kajian, sampel yang berjaya dikumpulkan adalah sebanyak 147 buah rumah sahaja.

5.5 Kawasan kajian

Kawasan kajian yang dipilih adalah Pasir Gudang, Johor, Malaysia.

5.6 Rasional Pemilihan Kawasan Kajian

Pemilihan Pasir Gudang sebagai kawasan kajian difikirkan sesuai kerana faktor mudah untuk mendapatkan responden yang telah berkeluarga. Selain daripada itu faktor sosio ekonomi yang rancak dengan majoriti keluarga mempunyai ahli keluarga yang bekerja melebihi daripada seorang memungkinkan keluarga-keluarga di Pasir Gudang mempunyai pengalaman bercuti dan sesuai dijadikan responden kajian.

6. DAPATAN KAJIAN

6.1 Lima Peringkat Membuat Keputusan Untuk Percutian Keluarga

Jadual 3: Rumusan Lima Peringkat Membuat Keputusan Percutian Keluarga Bagi Tiga Kelompok Jenis Rumah

Lima Peringkat Membuat Keputusan Untuk Percutian Keluarga	Jenis Rumah		
	Kos Tinggi	Kos Sederhana	Kos Rendah
Keperluan Untuk Bercuti			
Mengumpul Maklumat Percutian			
Menilai Semula Maklumat Yang Diperolehi			
Membuat Keputusan Akhir			
Membuat Pembelian/Merancang Percutian			

6.1.1 Lima Peringkat Membuat Keputusan Untuk Percutian Keluarga Bagi Kelompok Jenis Rumah Kos Tinggi

Dalam bahagian ini, objektif adalah untuk menilai pengaruh ahli keluarga yang paling dominan dalam lima peringkat membuat keputusan dalam percutian keluarga. Bagi keluarga dari kelompok jenis rumah kos tinggi, boleh dikatakan pengaruh adalah seimbang diantara pengaruh suami dan pengaruh bersama atau keputusan yang diambil secara bersama (suami dan isteri) dalam lima peringkat membuat keputusan untuk percutian keluarga. Suami atau bapa dalam keluarga kelompok ini dilihat berpengaruh dalam dua peringkat membuat keputusan iaitu dalam menilai semula maklumat dan membuat keputusan akhir. Pengaruh suami yang seimbang dalam membuat keputusan untuk bercuti hampir menyamai kenyataan yang dibuat oleh Nichols dan Snepenger (1988 dalam Zalatan 1998) yang mendapati suami dari keluarga yang berpendapatan tinggi adalah lebih dominan dalam membuat keputusan untuk percutian keluarga. Manakala keputusan yang dibuat secara bersama dilihat agak ketara pada peringkat pertama iaitu mengenalpasti keperluan untuk bercuti dan juga pada peringkat akhir iaitu membuat pembelian atau merancang percutian keluarga. Bagi kelompok ini, faktor pasangan suami isteri bekerja juga merupakan pendorong utama bagi keputusan yang diambil secara bersama dalam membuat keputusan untuk percutian keluarga. Isteri atau ibu pula dilihat hanya berpengaruh pada peringkat pengumpulan maklumat percutian sahaja. Pengaruh isteri yang dominan dalam pengumpulan maklumat menyamai penemuan dalam kajian yang telah dilakukan oleh Fodness (1992 dalam Zalatan 1998) yang mendapati isteri adalah lebih aktif daripada suami pada peringkat pengumpulan maklumat untuk percutian keluarga.

Walaupun hasil kajian tidak menunjukkan anak-anak dalam kelompok ini memainkan peranan yang penting dalam lima peringkat membuat keputusan untuk bercuti, namun peratusan yang agak tinggi (kedua tertinggi) iaitu sebanyak 26% ditunjukkan dalam peringkat mengenalpasti keperluan untuk bercuti. Maka dapat dirumuskan disini, salah satu faktor utama kelompok keluarga dari jenis rumah kos tinggi ini bercuti adalah disebabkan oleh desakan atau pengaruh anak-anak. Kesenambungan penemuan ini juga dapat dikenalpasti apabila majoriti keluarga dari kelompok ini memilih musim cuti sekolah anak-anak sebagai masa yang paling sesuai untuk membawa keluarga pergi bercuti.

Namun, peratusan yang agak kecil atau pengaruh anak-anak yang kurang dominan dapat ditunjukkan dalam empat peringkat yang lain dalam membuat keputusan untuk bercuti. Bagi kelompok ini, terdapat 3 faktor yang menyebabkan anak-anak kurang mempengaruhi keputusan untuk bercuti. Faktor pertama adalah disebabkan oleh pendapatan keluarga bagi kelompok ini yang agak lumayan iaitu dengan peratusan sebanyak 58.8% berpendapatan melebihi RM5001 ke atas memungkinkan ibu bapa mempunyai lebih pendapatan dan akan memikirkan keperluan untuk bercuti setiap kali tiba musim cuti sekolah tanpa menunggu anak-anak “bersuara”.

Faktor kedua adalah faktor taraf pendidikan yang agak tinggi bagi kelompok ini berbanding kelompok keluarga dari jenis rumah kos sederhana dan kos rendah di mana majoritinya adalah pemegang diploma dan ijazah (70.6%) dan 5.9 % pula adalah berkelulusan peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah (PhD). Menurut Mayo (1980), taraf pendidikan yang baik akan mendorong ibu bapa untuk mempunyai kesedaran (*awareness*) tentang kepentingan percutian untuk anak-anak kerana bagi mereka percutian tersebut akan membuka minda dan menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman anak-anak yang sedang belajar.

Faktor yang ketiga adalah faktor saiz keluarga yang kecil berbanding kelompok keluarga dari jenis rumah kos sederhana dan kos rendah. Majoriti daripada kelompok ini mempunyai bilangan anak yang agak sedikit iaitu diantara 1 hingga 2 orang anak dalam keluarga (47.1%). Faktor saiz keluarga yang kecil memudahkan ibu bapa untuk membuat keputusan bagi percutian keluarga tanpa menunggu saranan daripada anak-anak. Kesimpulannya, faktor saiz keluarga yang kecil dan ditambah dengan dengan faktor lebih pendapatan dan kesedaran ibu bapa akan kepentingan bercuti untuk anak-anak merupakan pemangkin kepada ibu bapa dalam kelompok ini untuk membuat keputusan secara bersama untuk membawa keluarga bercuti tanpa menunggu sehingga didesak oleh anak-anak mereka.

6.1.2 Lima Peringkat Membuat Keputusan Untuk Percutian Keluarga Bagi Kelompok Jenis Rumah Kos Sederhana

Dalam lima peringkat membuat keputusan untuk percutian keluarga, kelompok keluarga dari jenis rumah kos sederhana ini banyak bergantung kepada pengaruh suami untuk membuat keputusan. Ini dapat dilihat dengan tiga daripada lima peringkat membuat keputusan adalah diputuskan oleh suami. Tiga peringkat tersebut adalah pada peringkat pengumpulan maklumat, menilai semula maklumat yang diperolehi dan merancang percutian keluarga. Pengaruh suami yang kuat dalam lima peringkat membuat keputusan untuk percutian keluarga adalah disebabkan oleh faktor majoriti daripada ahli keluarga yang bekerja bagi kelompok ini adalah suami (53.2%). Penemuan dari kajian ini bercanggahan dengan pendapat Nichols dan Snepenger (1988, dalam Zalatan 1998) yang menyatakan keputusan untuk percutian keluarga bagi keluarga yang berpendapatan sederhana adalah diputuskan secara bersama.


Bagi peringkat mengenalpasti keperluan untuk bercuti dan membuat keputusan akhir, kelompok ini mengambil kata putus secara bersama diantara suami dan isteri. Keputusan secara bersama akan menghasilkan pemilihan kombinasi yang pelbagai dalam jenis-jenis dan aktiviti percutian keluarga bagi kelompok ini (boleh dilihat pada ciri-ciri percutian keluarga kelompok ini). Pengaruh isteri dan anak-anak menunjukkan peratusan yang kecil dalam lima peringkat membuat keputusan. Namun, pengaruh anak-anak masih menunjukkan potensi sebagai pendesak kepada keluarga untuk bercuti. Ia dapat ditunjukkan dengan pengaruh anak-anak adalah ketiga terpenting setelah pengaruh bersama dan pengaruh suami dalam mengenalpasti keperluan untuk keluarga bercuti (21%).

6.1.3 Lima Peringkat Membuat Keputusan Untuk Percutian Keluarga Bagi Kelompok Jenis Rumah Kos Rendah

Berbanding kelompok keluarga dari jenis rumah kos tinggi dan kos sederhana, kelompok keluarga dari jenis kos rendah ini amat mementingkan keputusan bersama diantara suami dan isteri dalam melalui lima peringkat membuat keputusan untuk percutian keluarga. Keputusan secara bersama dilihat amat ketara dalam 3 daripada 5 peringkat membuat keputusan iaitu pada peringkat menilai semula maklumat yang diperolehi, membuat keputusan akhir dan merancang percutian keluarga.

Sebagaimana yang telah dijelaskan pada bahagian yang telah membincangkan tentang ciri-ciri percution keluarga, kesinambungan faktor majoriti pasangan suami isteri bekerja dan keputusan yang diambil secara bersama adalah pemangkin kepada pasangan suami isteri untuk mengambil keputusan bersama dalam percution keluarga. Faktor ini menyamai penemuan yang telah dilakukan oleh Bartos (1982 dalam Zalatan 1998) yang mengatakan wanita yang telah berkeluarga dan bekerja lebih banyak terlibat dalam membuat keputusan untuk percution keluarga berbanding dengan suri rumah sepenuh masa.

Manakala pengaruh suami hanya dilihat ketara pada peringkat kedua membuat keputusan iaitu peringkat pengumpulan maklumat percution. Pengaruh isteri pula menunjukkan peratusan yang amat kecil dalam 5 peringkat membuat keputusan untuk percution keluarga. Apa yang menarik tentang kelompok ini adalah pengaruh anak-anak yang agak tinggi (37%) dalam peringkat pertama membuat keputusan iaitu peringkat mengenalpasti keperluan untuk bercuti. Ada beberapa faktor yang memungkinkan pengaruh anak-anak yang dilihat agak kuat sebagai “pendesak” atau “pencetus idea” kepada keluarga kelompok jenis ini untuk bercuti. Faktor yang pertama adalah disebabkan oleh majoriti responden dari kelompok ini yang mempunyai anak yang ramai iaitu diantara 3 hingga 5 orang, maka anak-anak dilihat sebagai “suara ramai” yang mendesak ibu bapa untuk bercuti. Faktor kedua pula adalah disebabkan oleh keinginan anak-anak untuk melarikan diri daripada ruang yang agak sempit di rumah apabila tiba cuti hujung minggu atau cuti sekolah. Menurut Decrop (2006) situasi ini dinamakan sebagai “*space esceptism*” dan berlaku apabila seseorang individu mengambil keputusan untuk bercuti disebabkan oleh keinginan untuk melarikan diri daripada ruang rumah atau kediaman yang sempit dan membosankan. Faktor ketiga adalah faktor kewangan, kemungkinan yang dapat dirumuskan berkaitan dengan faktor kewangan adalah berkaitan dengan pendapatan bulanan keluarga bagi kelompok jenis rumah kos rendah yang majoritinya adalah berpendapatan diantara RM1001 hingga RM5000 sebulan. Dengan pendapatan yang agak terhad dan menyara ramai anak, kebanyakan ibu bapa berpendapat pendapatan bulanan yang diperolehi adalah lebih baik disalurkan pada keperluan asas keluarga sahaja tanpa memikirkan kepentingan bercuti untuk anak-anak. Oleh kerana ibu bapa kurang memikirkan keperluan untuk bercuti maka anak-anaklah yang akan menjadi pencetus idea dan mendesak ibu bapa untuk melakukan percution keluarga.



Gambarajah 1 Graf Lima Peringkat Membuat Keputusan Untuk Percution Keluarga Bagi Tiga Kelompok Jenis Rumah

6.2 Pengaruh Ahli Keluarga Dalam Pemilihan Item Percutian

Jadual 4: Rumusan Pengaruh Ahli Keluarga Dalam Pemilihan Item Percutian Bagi Tiga Kelompok Jenis Rumah

Jenis-Jenis Item Percutian	Jenis Rumah		
	Kos Tinggi	Kos Sederhana	Kos Rendah
Destinasi Percutian/Tarikan			
Jenis Penginapan			
Aktiviti			
Bajet			
Jangka Masa Bercuti			
Laluan (route)			
Tarikh Bercuti			
Sama Ada Membawa Anak Atau Tidak			
Pengangkutan			

6.2.1 Pengaruh Ahli Keluarga Dalam Pemilihan Item Percutian Keluarga Bagi Kelompok Jenis Rumah Kos Tinggi

Pengaruh yang seimbang diantara pengaruh suami dan keputusan yang diambil secara bersama (suami dan isteri) juga ditunjukkan dalam pemilihan item bagi percutian keluarga. Pengaruh suami dilihat amat ketara dalam pemilihan 4 jenis item percutian keluarga iaitu pengangkutan, laluan, bajet dan jenis penginapan. Manakala keputusan bersama pula dicapai bagi memilih 5 jenis item yang lain seperti tarikh, jangka masa, aktiviti dan keputusan sama ada akan membawa anak sekali atau tidak semasa bercuti. Sekali lagi pengaruh yang seimbang diantara pengaruh suami dan keputusan yang dicapai secara bersama adalah disebabkan oleh faktor pasangan suami isteri yang bekerja di mana ia akan melibatkan perbincangan bersama berkaitan dengan pemilihan jenis-jenis item percutian terutama item percutian yang melibatkan tarikh dan jangka masa bercuti. Bagi kelompok ini, tarikh dan jangka masa bercuti memerlukan persetujuan kedua-dua belah pihak kerana ia melibatkan rutin kerja harian mereka dan pemilihan kedua-dua item tersebut akan disuaikan dengan musim cuti sekolah anak-anak.

6.2.2 Pengaruh Ahli Keluarga Dalam Pemilihan Item Percutian Keluarga Bagi Kelompok Jenis Rumah Kos Sederhana

Bagi pemilihan jenis-jenis item percutian, sekali lagi kelompok keluarga dari jenis rumah kos sederhana ini banyak bergantung kepada pengaruh suami untuk membuat pemilihan item percutian. Peratusan pengaruh suami yang agak tinggi dilihat pada 7 item percutian keluarga iaitu pengangkutan, tarikh, laluan, jangka masa, bajet, aktiviti dan jenis penginapan. Faktor majoriti suami yang bekerja merupakan kesinambungan dengan pengaruh suami yang ketara dalam pemilihan item percutian keluarga. Manakala pemilihan destinasi percutian dan keputusan sama ada akan membawa anak sekali atau tidak semasa bercuti adalah diputuskan secara bersama oleh pasangan suami dan isteri.

6.2.3 Pengaruh Ahli Keluarga Dalam Pemilihan Item Percutian Keluarga Bagi Kelompok Jenis Rumah Kos Rendah

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bahagian ciri – ciri dan lima peringkat membuat keputusan untuk percutian keluarga, kelompok keluarga dari jenis rumah kos rendah ini masih mengekalkan perbincangan dan keputusan bersama diantara pasangan suami dan isteri dalam membuat pemilihan item untuk percutian keluarga mereka. Keputusan bersama diputuskan bagi 6 daripada 9 pemilihan item percutian seperti destinasi, jenis penginapan, aktiviti, bajet, jangka masa dan pertimbangan sama ada akan membawa anak atau tidak dalam percutian keluarga. Manakala 3 jenis item yang lain adalah diputuskan atau di bawah pengaruh suami.

Apa yang menarik dalam kelompok ini adalah, sekiranya kelompok keluarga dari jenis rumah kos tinggi dan kos sederhana menyerahkan pemilihan bagi 2 jenis item percutian seperti bajet dan jenis penginapan pada suami untuk menentukannya, berbeza dengan kelompok ini yang lebih selesa sekiranya pemilihan 2 jenis item tersebut adalah diputuskan secara bersama oleh pasangan masing-masing. Terdapat 2 faktor yang memungkinan keadaan ini berlaku, yang pertama adalah disebabkan oleh majoriti pasangan dari kelompok ini yang bekerja dan mempunyai pendapatan bersama, maka pembayaran ke atas kedua-dua item tersebut seharusnya dijelaskan secara bersama. Faktor kedua adalah berkaitan dengan sumber pendapatan yang agak terhad bagi kelompok ini dimana majoritinya adalah berpendapatan diantara RM1001 hingga RM5000 sebulan dan mempunyai tanggungan anak yang agak ramai iaitu diantara 3 hingga 5 orang. Dengan pendapatan bulanan yang agak terhad dan terpaksa menanggung bebanan kewangan yang agak banyak merupakan pendorong kepada pasangan dalam kelompok ini untuk membuat keputusan dan membayar kos bagi 6 jenis item tersebut secara bersama.

Majoriti daripada lima peringkat membuat keputusan dan pemilihan item percutian yang diputuskan secara bersama oleh kelompok dari jenis rumah kos rendah ini adalah berbeza dengan kenyataan yang dibuat oleh Nichols dan Snepenger (1988 dalam Zalatan 1998) dalam kajian mereka yang mendapati isteri dari keluarga yang berpendapatan rendah adalah lebih dominan dalam membuat keputusan untuk bercuti.

7. RUMUSAN

Berdasarkan kajian terhadap lima peringkat membuat keputusan dan pemilihan item-item percutian bagi kelompok keluarga dari jenis rumah kos tinggi, kos sederhana dan kos rendah, maka tidak dapat dinafikan bahawa dua perkara ini saling kait mengait diantara satu sama lain dalam menentukan gaya percutian bagi ketiga-tiga kelompok keluarga tersebut. Kajian dan penemuan dari segi lima peringkat membuat keputusan untuk percutian keluarga dan pemilihan item-item percutian juga memberi persepsi baru kepada pengkaji yang mana terdapatnya pengaruh individu-individu tertentu dalam kedua-dua perkara tersebut. Selama ini kajian hanya dilakukan di negara barat dalam mengenalpasti pengaruh ahli keluarga dalam lima peringkat membuat keputusan untuk percutian keluarga dan pemilihan item-item percutian, maka dengan adanya penemuan ini diharapkan ia akan menambah pemahaman kita bagaimana sesebuah keluarga Malaysia membuat keputusan untuk bercuti dan siapakah ahli keluarga yang paling dominan dalam menentukan sebahagian besar keputusan tersebut. Manakala sampel kajian yang diambil daripada tiga kelompok keluarga dari tiga jenis rumah iaitu kos tinggi, kos sederhana dan kos rendah pula adalah bagi memberi gambaran yang sebenar kepada senario keluarga di Malaysia yang secara umumnya adalah terbahagi kepada tiga kelompok yang berdasarkan faktor pendapatan keluarga. Secara amnya tidak dinafikan faktor pendapatan keluarga memainkan peranan penting dalam mencorakkan keputusan sesebuah keluarga untuk bercuti. Apa yang menarik bagi pengkaji adalah kemampuan kajian ini dalam mencari persamaan dan perbezaan dengan kajian yang telah diusahakan oleh Cathy H.C Hsu (2004) dalam kajiannya yang bertajuk “*Segmenting Travel Information Center Visitors by Vacation Decision Making*” yang mana beliau juga cuba mengenalpasti bagaimana sesebuah keluarga membuat keputusan untuk bercuti. Akhir kata, diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat yang berguna kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung dalam mempertingkatkan pelancongan keluarga di Malaysia.

RUJUKAN

- Alain Decrop., (2006). “Vacation Decision Making.” Printed and bound in the UK by Cromwell, Trowbridge
- Antoine Zalatan., (1998) “Wives Involment in Tourism Decision Processes.” Journal of Touriam Research. Vol.25, No.4, pp. 890-903.
- Badaruddin Mohamed., (2005) “The Psychographic Analysis of Malaysian Domestic Travelers” Team Journal of Hospitality and Tourism, Vol. 1, Issue 2, November 2005.
- Cathy H.C Hsu, Soo K.Kang, Kara Wolfe., (2003) “Segmenting Travel Information Center Visitor by Vacation Decision Making.” Journal of Hospitality and Tourism Research, 27 (4) 448-469.
- Crouch, Perdue, Timmermans, Uysal., (1999) “Consumer Psychology of Tourism, Hospitality and Leisure.” Printed and bound in the UK by Biddles Ltd, King’s Lynn.
- Coltman, M.M., (1989). “Introduction To Travel & Tourism: An International Approach.” Printed in the United States of America.
- Davidoff, P.G (1990). “Worldwide Tours: A Travel Agent’s Guide to Selling Tours.” Printed in the United States of America.
- Douglas Foster., (1985) “Travel and Tourism Management.” Printed in China.
- Earl Babbie., (1998) “The Practice of Sosial Research” Printed in the United States of America.
- Edward J.Mayo., (1981). “Psychology Of Leisure Travel: Effective Marketing and Selling of Travel.” Printed in the United States of America.
- Gayle, D.J & Goodrich, J.N., (1993). “Tourism Marketing and Management in the Caribbean.” Printed and Bound in Great Britain by TJ Press (Padstow) Ltd., Padstow, and Cornwall.
- Gunn, C.A., (1988). “Tourism Planning.” Printed in New York London.
- Inskeep, E., (1991). “Tourism Planning: An Integrated and Sustainable Development Approach.” Van Nostrand Reinhold, New York.
- Inskeep, E., (1994). “Tourism Planning: Basics, Concepts, Cases.” 3rd Edition. Taylor & Francais, Washington D.C.
- Inskeep, E., Terjemahan : Che Elaine Che Hassan, Norlida Abd. Halim, (1996). “Perancangan Pelancongan, Pendekatan Pembangunan Bersepadu dan Berkekalan.” Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Jansen-Verbeke, M. (1986). “Inner – City Tourism: Resources Tourists and Promoters.” Annals of Tourism Research, 13 (1):79-100
- John Swarbrooke & Susan Hoener., (1999) “Consumer Behaviour in Tourism.” Printed and bound in Great Britain. Kotler, P.et.al ., (1993). “Marketing Places.” The Free Press, New York.

- Kuo Ching Wang, An tien Hsieh, Yi Chun Yeh and Chien-Wen Tsai., (2004) “Who is the Decision-maker?: the Parents or the Child in Group Package tours?.” *Journal of Tourism Management*, 25 (2004) 183-194
- Laws, E. (1997). “Managing Packaged Tourism.” *International Thomas Business Press*. Mason, Robert D. & Lind, Mathieson, A. & Wall, G., Terjemahan: Abdul Kadir Hj. Din, (1991). “Pelancongan: Impak Ekonomi, Fizikal dan Sosial.” *Dewan Bahasa dan Pustaka*, Kuala Lumpur.
- Murphy, P.E, (1986). “Tourism: A Community Approach.” *Methuen*, New York.
- Pearce D, (1981). “Tourism Development”. *Longman House*, New York.
- Pearce D.,(1992). “Tourist Development.” 2nd Edition. *New York: John Wiley & Sons Inc.*
- Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang., (2000) “Draf Perancangan Tempatan Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (2001- 2020).”
- Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang. Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang.,(2015) “Laporan Tahunan 2000.” Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang.
- Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang., (2015) “20 Tahun Membina dan Membela”. Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang. Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Daerah Johor Bahru, (1997) “Draf Rancangan Struktur (Pengubahan) Daerah Johor Bahru (1998-2020)”.

